

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3

Bincang, wujudkan dasar menang-menang

Bincang, wujudkan dasar menang-menang

SHAH ALAM - Kerajaan perlu mengadakan perbincangan melibatkan semua pihak berkepentingan termasuk pengeluar bahan mentah dalam usaha menyelesaikan masalah peningkatan harga makanan serta kekurangan bekalan.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam, Datuk Seri Dr. Jacob George berkata, pendekatan tersebut perlu dilaksanakan segera bagi mewujudkan satu situasi menang-memang untuk semua golongan dalam rantai bekalan makanan.

“Seharusnya kerajaan mengajak pihak terlibat untuk duduk semeja dan membincangkan formula bagi memastikan satu dasar menang-menang antara penternak, nelayan, petani dan golongan peniaga serta pengguna agar tiada golongan yang teraniaya dengan kenaikan harga barangan.

“Dasar itu nanti perlu memberi harga yang munasabah dan berpatutan kepada seluruh masyarakat serta ekosistem sekuriti makanan di negara ini.

“Tindakan memboikot yang menjadi ugutan kepada peniaga bukan jalan penyelesaian dan tidak mencapai matlamat yang dimahukan dalam formula menang-menang,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.